

PM umum 5 agenda WPI

JOHOR BAHRU 4 Nov. - Perdana Menteri mengumumkan lima agenda yang terkandung dalam pelan induk Wilayah Pembangunan Iskandar (WPI) dengan tumpuan meningkatkan pencapaian ekonomi seimbang dan menyeluruh.

Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, beliau yakin WPI ialah permulaan kepada usaha negara dalam merealisasikan potensi Wilayah-Wilayah di luar kawasan Lembah Klang.

Katanya, dengan meliputi kawasan Seluas 2,217 kilometer persegi atau seluas 221,634 hektar, WPI adalah kawasan Pembangunan terbesar dibangunkan di rantau ini.

WPI akan dimajukan setanding Shenzhen dan Hongkong di China dan ia diusahakan oleh Khazanah Nasional.

Berucap pada majlis pelancaran WPI di sini hari ini, beliau berkata, agenda pertama

Meliputi kawasan seluas 2,217 kilometer persegi atau seluas 221,634 hektar, WPI adalah kawasan pembangunan terbesar dibangunkan di rantau ini

- Abdullah Ahmad Badawi

pembangunan WPI ialah memberi tumpuan kepada meningkatkan nilai pengeluaran ekonomi selatan Johor, dengan memanfaatkan kelebihan kawasan semulajadi umpamanya lokasi, prasarana seperti pelabuhan dan lapangan terbang.

Agenda kedua, jelas beliau, ialah penekanan kepada pembangunan modal insan, mempertingkatkan taraf institusi pengajian dan membangunkan sebuah pusat pendidikan yang dianggotai institusi pengajian dan penyelidikan bertaraf antarabangsa.

Dalam agenda ketiga, Perdana Menteri berkata, usaha akan diambil menseimbangkan Pembangunan di mana kawasan luar bandar akan turut menerima manfaat pembangunan.

Abdullah berkata, keempat ialah memastikan kualiti hidup dipertingkatkan dengan menaiktaraf sistem pengangkutan, pengwujudan kawasan perumahan yang lebih lengkap, kawasan riadah dan rekreasi di sepanjang kawasan Selat Tebrau, setanding dengan kawasan riadah luar negara.

Agenda kelima, jelas beliau, ialah pengwujudan Pihak Berkuasa Johor Selatan yang berfungsi sebagai pusat sehati bagi Pembangunan di WPI untuk memastikan kawasan Pembangunan ini menjadi destinasi pelaburan antarabangsa.

Kewujudan WPI dijangka mewujudkan 800,000 peluang pekerjaan dalam tempoh 20 tahun dan pendapatan per kapita rakyat Johor akan ditingkatkan lebih sekali ganda.

Pembangunan WPI merangkumi lokasi segi tiga di antara Lapangan Terbang Senai di utara Johor, Pelabuhan Tanjung Pelepas (PTP) di barat daya dan Pelabuhan Pasir Gudang (PPG) di tenggara.

Ia membabitkan enam daerah yang ditadbir oleh Majlis Bandaraya Johor Bahru, Majlis Perbandaran Johor Bahru Tengah, Pihak Berkuasa Tempatan Pasir Gudang, Majlis Perbandaran Kulai dan Majlis Daerah Pontian.